

Tunku Mahkota Johor dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UTHM

1,640 graduan terima ijazah, diploma

Oleh HAMDAN TAWADI
utusanjohor@utusan.com.my

BATU PAHAT 12 Okt. — Seramai 1,640 graduan pengajian Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma menerima sijil masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-10 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang bermula Ahad lalu hingga hari ini.

Lebih manus Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar yang juga Canselor UTHM, berkenan menemar duli bagi menyempurnakan sidang pertama majlis konvokesyen itu Ahad lalu.



MOHD. NOH DALIMIN

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, konvokesyen itu juga mencatat sejarah tersendiri apabila Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dimasyhurkan sebagai

Pro-Canselor UTHM.

Beliau berkata, gandingan kepimpinan Tunku Mahkota Johor dengan Pro-Canselor sedia ada, Tan Sri Ir. Shamsuddin Abdul Kadir diyakini mampu menaikkan lagi nama UTHM.

Bagi memeriahkan majlis berkenaan, pihak universiti turut menganjurkan pesta konvokesyen bermula 8 Oktober lalu.

Ia bertemakan hijau dan alam sekitar serta sambutan konvokesyen itu turut dimeriahkan dengan konsert oleh beberapa artis terkenal tanah air seperti Born 4 Nature, Amy Search, Lefthanded, Hattan, Anna Raffali, Azlan and The Typewriter dan kumpulan Sunny Sad Story.

Pelbagai acara turut diadakan sepanjang lima hari pesta itu, antaranya pameran autoshow, Cabaran X-Games, Animal Kingdom, persembahan Aman de Palestin, sukan paintball serta gerai jualan.

SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar memasyhurkan Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim sebagai Pro-Canselor pada Istiadat Pernasyhuran Pro-Canselor dan Majlis Konvokesyen Ke-10 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

